

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG**  
**[ BUKIT MERTAJAM ]**  
**TARIKH : 2 APRIL 2015**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah lawatan pemeriksaan (*inspection*) yang telah dijalankan dan berapa jumlah nilai saman telah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik premis yang didapati mempunyai tapak pembiakan nyamuk Aedes ikut pecahan tahun dan negeri dari 2008-2014.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Didapati bilangan premis yang telah diperiksa telah meningkat daripada 3,448,164 premis pada tahun 2008 kepada 5,610,468 premis pada tahun 2014.

Manakala, jumlah nilai kompaun yang telah dikeluarkan juga meningkat daripada RM6,521,000 pada tahun 2008 kepada RM12,848,000 pada tahun 2014.